

**TITAH UCAPAN  
D.Y.T.M. TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA  
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL  
RAJA MUDA PERLIS  
SEMPENA MAJLIS SANTAPAN REGIMENTAL  
PALAPES UNIMAP PADA 8 JANUARI 2011  
BERTEMPAT DI BAY VIEW BEACH RESORT, PULAU PINANG**

---

Bismillahirrahmanirahim.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'alla Wabarakatuh Dan Salam  
Sejahtera.

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanawa Ta'ala,  
kerana di atas limpah kurnia dan Inayah-Nya jua, maka dapatlah  
kita bersama-sama pada hari yang penuh dengan nostalgia ini.

Hadirin sekalian,

2. Pertama sekali, Saya ucapkan tahniah kepada setiap pegawai  
muda PALAPES UniMAP, yang berada di hadapan Saya ini, kerana

telah tamat menjalani latihan ketenteraan dan telah pun ditauliahkan sebagai Pegawai Muda dalam Pasukan Simpanan Angkatan Tentera Malaysia pada 12 Jun 2010 yang lalu di Universiti Sains Malaysia. Tahniah juga Saya ucapkan kepada Pegawai Kadet Terbaik Keseluruhan dan Pegawai Kadet Terbaik Akademik.

Pada hari ini Saya dapat merasakan, betapa bertuahnya negara amnya dan UniMAP khasnya kerana memiliki kumpulan kesatria anak-anak muda dari pelbagai kaum dan bangsa, yang bukan sahaja berilmu pengetahuan, tinggi akal budinya serta hebat pekertinya tetapi juga mempunyai kemahiran dalam bidang ketenteraan dan menjadi aset penting kepada pertahanan dan kedaulatan negara.

3. Di sini Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) UniMAP, selaku penganjur, yang telah sudi menjemput Saya dan Raja Puan Muda Perlis bagi menghadiri majlis santapan regimental ini. Terima kasih juga Saya ucapkan kepada semua pihak yang telah, secara langsung mahupun tidak langsung, bekerja keras bagi menjayakan majlis ini.

Hadirin sekalian,

4. Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) merupakan pendokong bagi menyediakan generasi baru yang lebih komited dalam pembangunan dan ketahanan negara dalam menghadapi cabaran negara maju. Persiapan minda dan fizikal harus

diutamakan untuk mendokong amanah menjaga keamanan dan kedaulatan negara.

5. Pada setiap tahun, hampir ribuan pegawai muda yang juga bergelar graduan dilahirkan. Dengan gandingan ilmu pengetahuan ketenteraan ditahap pegawai dan akademik diperingkat menara gading, mereka dilihat sebagai modal insan istimewa yang berpotensi baik dalam profesion ketenteraan mahupun bidang kejuruteraan.

6. Selama 3 tahun saudara dan saudari dilatih dan dibimbing dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran ketenteraan demi melahirkan pegawai tentera yang berketerampilan dan berwibawa. Semoga segala ilmu dan pengetahuan yang dimiliki ini akan dapat membentuk keperibadian saudara dan saudari menjadi pegawai tentera yang berkualiti dan cemerlang. Dalam usaha untuk

menuju kejayaan, sikap proaktif, berdedikasi dan bertanggungjawab merupakan nilai yang diperlukan dalam membina kehidupan serta menghadapi cabaran yang mendatang. Saudara dan saudari adalah generasi muda harapan negara yang bakal mewarisi kepimpinan dan menerajui pembangunan negara dimasa hadapan.

Hadirin sekalian,

7. Masa depan negara bergantung penuh kepada rakyatnya yang berakhlak mulia dan mahu berusaha menguasai ilmu pengetahuan secara berterusan tanpa mengenali adanya titik noktah mahupun persempadanan. Marilah kita sama-sama menjadi bangsa yang digeruni dari segi ketinggian ilmu dan kehalusan nilai keperibadian. Bangsa yang tunduk bila bersalah, merendah bukan menyembah, meninggi bukan melonjak, tunduk kepala bukan minta untuk dipijak.

Hadirin sekalian,

8. Dikesempatan ini Saya meletakkan harapan yang tinggi agar pentauliahan ini menjadi titik tolak sumbangan pegawai-pegawai muda kepada pertahanan negara samada menerusi platform angkatan tetap mahupun angkatan simpanan. Janganlah saudara saudari berlengah-lengah untuk melaporkan diri di Rejimen Askar Wataniah siri 500 apabila tamat pengajian.

9. Saya yakin saudara dan saudari yang menyertai PALAPES mempunyai kelebihan tersendiri seperti:

- Individu yang berkeyakinan tinggi, berketerampilan dan tahan lasak dari segi fizikal dan mental.
- Nilai patriotisme dan semangat cintakan tanah air.
- Sifat kepimpinan dalam pasukan.
- Keseimbangan ilmu akademik dan ilmu ketenteraan.

- Semangat setia kawan (Esprit de Corps) dan sikap kepahlawanan.
- Individu yang berintegriti dan bersahsiah tinggi .

10. Saya yakin dan percaya penglibatan saudara dan saudari dalam PALAPES dapat memberikan impak yang tinggi kepada negara seperti:

- Pembangunan modal insan yang berdisplin tinggi dan bersemangat waja.
- Sumber tenaga pegawai lepasan IPTA untuk angkatan tetap dan simpanan.
- Warga negara yang terlatih dalam bidang ketenteraan bagi mengukuhkan pertahanan negara dan ketahanan nasional.

11 . Sekali lagi Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang telah ditauliahkan, Saya doakan agar usaha murni kita untuk melahirkan cendikiawan dan anak watan sebagai benteng pelapis pertahanan untuk agama, bangsa dan negara akan mendapat keberkatan daripada Allah Aza Wajalla. InsyaAllah.

Saya yakin, saudara saudari sekalian adalah ibarat benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau, jatuh ke darat menjadi gunung. Sebab mutiara sebiju, laut yang dalam diselam orang.

Ingatlah "Hidup bukan kerana tuah, mati tidak kerana sumpah."  
Tidak ada kata menyerah, pantang undur menyerah kalah"



Akhirul kalam; Sebagai pesanan, terimalah pantun daripada saya;

**Memang pahit buah peria  
Makanan orang pergi menjala  
Jikalau mengaku taat setia  
Bersamalah kita pertahankan negara**

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi

Ta'ala Wabarakatuh.